

PRAKTIS UPSR 8

UPSR SISTEM BAHASA

Kertas Pemahaman (Bahagian A: Soalan 1 – 20
dan Bahagian B: Soalan 21 – 25)



Viva Digital

Praktis 1

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. "Abang kamu akan memotong rumput dahulu. _____, kamu kumpulkan rumput yang telah dipotong itu dan masukkan ke dalam beg plastik sampah," kata ayah kepada Nazrin.

A Akhirnya
B Kemudian
C Di samping itu
D Tambahan pula

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah ini.



2. "Nazrin, tolong pasangkan _____ ini pada gazebo di taman," kata ayah.

A kekisi
B bebola
C jejantik
D dedaun

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah ini.



3. Beberapa _____ kayu pancang digunakan untuk memagari anak pokok durian.

A bilah
B rumpun
C jambak
D berkas

4. Mereka _____ melepaskan ikan bandaran ke dalam longkang yang kotor.

A memang
B sahaja
C hanya
D pun

5. Penduduk berbual _____ selepas membubuh kompos pada pokok-pokok di taman bunga.

A malu
B keras
C manis
D rancak

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah ini.



6. Air sungai itu mengalir _____ selepas dibersihkan bersempena dengan Minggu Cintai Sungai Malaysia anjuran Jabatan Alam Sekitar.

A rancak
B kelam
C deras
D ligat

Praktis 2

Pilih *perkataan antonim* yang paling sesuai bagi perkataan bergaris. Tulis jawapan kamu pada ruang yang disediakan. KLON UPSR 2019

sejuk

tunas

senja

sedikit

cabut

siang

Contoh:

Pokok itu berbunga lebat.

(i) Tolong tanam rumput di kawasan yang lapang itu.

(ii) Cuaca yang panas amat sesuai untuk pokok-pokok renek itu.

(iii) Pokok bunga itu berbau wangi pada waktu malam.

Praktis 3

Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat sama maksud dengan ayat yang diberikan.

(i) "Tolong hadir semasa Pesta Pantun Alam Sekitar diadakan di sekolah kita," kata Murni kepada Azian.

Murni dan Azian meminta kawan mereka hadir semasa Pesta Pantun Alam Sekitar diadakan di sekolah mereka.

Murni minta Azian hadir semasa Pesta Pantun Alam Sekitar diadakan di sekolah mereka.

(ii) "Kawan-kawan, program Satu Murid Satu Pokok akan diadakan di sekolah kita pada hari Sabtu nanti," kata Ketua Kelas Tahun 6 Mawar.

Ketua Kelas Tahun 6 Mawar memberitahu kawan-kawannya bahawa program Satu Murid Satu Pokok akan diadakan di sekolah mereka pada hari Sabtu nanti.

Ketua Kelas Tahun 6 Mawar bertanya kepada kawan-kawannya tentang Program Satu Murid Satu Pokok yang akan diadakan pada hari Sabtu nanti di sekolah mereka.

Praktis 4

Garis penanda wacana yang paling sesuai bagi ayat di bawah ini. KLON UPSR 2016

(i) Aktiviti pembalakan haram menjadi punca kepupusan flora dan fauna di negara ini. Oleh itu, Selain itu, aktiviti tersebut perlu dibanteras.

(ii) Mirza menyapu dedaun kering di halaman rumahnya. Kesimpulannya, Seterusnya, dia memasukkan dedaun kering itu ke dalam beg plastik sampah.

(iii) Sikap segelintir penduduk yang membuang sampah ke dalam sungai menyebabkan pencemaran sungai. Selepas itu, Walau bagaimanapun, mereka menghentikan perbuatan itu setelah ditegur oleh ketua kampung.